

# PENDEKATAN TEORI IDENTITI BUDAYA DALAM KAJIAN PEMBENTUKAN IDENTITI MUALAF CINA DI MALAYSIA

## ***THE CULTURAL IDENTITY THEORY APPROACH IN THE STUDY OF IDENTITY FORMATION AMONG CHINESE MUSLIM REVERTS IN MALAYSIA***

Norhana Abdullah @ Ng Siew Boey<sup>1\*</sup>

Khairul Anwar Mastor<sup>2</sup>

Razaleigh Muhamat @ Kawangit<sup>3</sup>

Ahmad Yunus Mohd Noor<sup>4</sup>

Azarudin Awang<sup>5</sup>

<sup>1</sup>Institute Islam Hadhari. Universiti Kebangsaan Malaysia. 43600. Bandar Baru Bangi. Selangor, Malaysia (P104801@iswa.ukm.edu, norhana@macma.my)

<sup>2</sup>Institute Islam Hadhari. Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600. Bandar Baru Bangi. Selangor, Malaysia dan Fakulti Kepimpinan & Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia (kam2000@ukm.edu.my dan khairulanwar@usim.edu.my).

<sup>3</sup>Institute Islam Hadhari. Universiti Kebangsaan Malaysia. 43600. Bandar Baru Bangi. Selangor, Malaysia (raza@ukm.edu.my)

<sup>4</sup>Institute Islam Hadhari Dan Faculty Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. 43600. Bandar Baru Bangi. Selangor, Malaysia (a\_yunus@ukm.edu.my)

<sup>5</sup>Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Terengganu. Kampus Dungun. 23000. Dungun. Terengganu. Malaysia (azaru154@uitm.edu.my)

\*Corresponding Author : (P104801@iswa.ukm.edu, norhana@macma.my)

### Article history

Received date : 12-5-2025

Revised date : 12-5-2025

Accepted date : 18-6-2025

Published date : 30-6-2025

### To cite this document:

Abdullah, N., Mastor, K., Muhamat @ Kawangit, K., Mohd Noor, A. Y., & Awang, A. (2025). Pendekatan teori identiti budaya dalam kajian pembentukan identiti mualaf Cina di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 466 - 477.

**Abstrak:** Kajian ini meneliti pembentukan identiti mualaf Cina di Malaysia dengan menumpukan kepada cabaran yang dihadapi serta strategi penyesuaian identiti dalam konteks masyarakat majmuk. Menggunakan Teori Identiti Budaya dan konsep “ruang ketiga” oleh Stuart Hall dan Homi Bhabha, kajian ini menganalisis bagaimana mualaf Cina membentuk identiti pasca-konversi yang kompleks dalam pelbagai dimensi. Peralihan agama daripada Buddha, Taoisme atau kepercayaan tradisional kepada Islam bukan sahaja melibatkan perubahan kepercayaan, tetapi turut menyentuh aspek etnik, budaya, dan hubungan sosial. Mualaf Cina sering berada dalam kedudukan marginal di antara komuniti asal dan komuniti Baharu; dan perlu menavigasi pelbagai sempadan identiti agama, etnik dan budaya. Berdasarkan pendekatan kualitatif, kajian ini menunjukkan bahawa mualaf Cina tidak sepenuhnya terasimilasi ke dalam budaya Melayu, tetapi membina identiti hibrid yang unik. Mereka mengekalkan unsur kecinaan seperti bahasa, nama keluarga, dan penyertaan dalam perayaan budaya selagi tidak bercanggah dengan akidah Islam. Pada masa yang sama, mereka turut menyesuaikan diri dengan norma Muslim seperti pemakaian, pemakanan dan penglibatan dalam institusi keagamaan. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman baharu tentang identiti pasca-konversi dan memperlihatkan peranan mualaf Cina

sebagai jambatan sosial dan budaya antara komuniti Muslim dan bukan Muslim di Malaysia.

**Kata Kunci:** Identiti, Mualaf, Cina, Budaya, Agama, Etnik

**Abstract:** This study explores the construction of Chinese Muslim converts' identity in Malaysia by focusing on the challenges they face and the identity adaptation strategies employed within a plural society. Drawing on Cultural Identity Theory and the concept of the "third space" by Stuart Hall and Homi Bhabha, this research examines how Chinese Muslim converts negotiate their complex, multidimensional post-conversion identities. Religious conversion from Buddhism, Taoism, or traditional Chinese beliefs to Islam entails not only a shift in religious practices and beliefs but also affects ethnic, cultural, and social relations. Chinese converts often find themselves in a marginal position between their original and new communities requiring them to navigate the boundaries of religious, ethnic, and cultural identities. Using a qualitative approach, the study reveals that Chinese Muslim converts are not entirely assimilated into Malay Muslim culture. Instead, they construct a unique hybrid identity by retaining elements of Chinese culture, such as language, family names, and participation in cultural festivals, as long as these do not conflict with Islamic principles. Simultaneously, they adapt to Muslim norms in areas such as clothing, food practices, and engagement with religious institutions. This study contributes to a deeper understanding of post-conversion identity formation and highlights the role of Chinese Muslim converts as cultural and social bridges between the Muslim and non-Muslim communities in Malaysia.

**Keywords:** Identity, Reverts, Chinese, Culture, Religion, Ethnic

## Pengenalan

Fenomena memeluk Islam dalam kalangan masyarakat Cina di Malaysia merupakan suatu aspek yang signifikan dalam konteks pembentukan masyarakat majmuk negara ini. Peranan komuniti Cina dalam pemelukuan dan perkembangan agama Islam di Malaysia berlaku dalam konteks yang berbeza dengan dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti pencarian makna kehidupan, interaksi sosial, perkahwinan, dan keperluan sokongan kebajikan. Walau bagaimanapun, penukaran agama ini bukan sahaja melibatkan dimensi rohani atau kepercayaan semata-mata, tetapi turut merangkumi perubahan sosial dan budaya yang kompleks.

Kajian ini penting dalam memahami bagaimana individu Cina Muslim membina dan menyesuaikan identiti mereka dalam masyarakat yang sering mengaitkan Islam dengan etnik Melayu. Hal ini menimbulkan cabaran kepada mualaf Cina dalam menyelaraskan identiti etnik mereka dengan identiti agama yang baharu. Dalam konteks ini, proses pembentukan identiti menjadi satu bentuk perundingan berterusan antara nilai, kepercayaan, dan budaya asal dengan ajaran serta amalan Islam. Isu utama yang diteliti adalah bagaimana mereka berhadapan dengan konflik identiti, khususnya apabila persekitaran sosial dan keluarga asal sukar menerima perubahan tersebut. Proses penyesuaian ini melibatkan strategi-strategi tertentu, termasuk mengekalkan unsur-unsur identiti Cina yang tidak bercanggah dengan Islam serta mengamalkan ajaran Islam secara progresif dan berperingkat. Rundingan sempadan identiti ini membolehkan mereka membina identiti yang bersifat hibrid, yang mengekalkan kesinambungan etnik sambil memperkuuh keimanan dan pengamalan Islam.

Teori identiti budaya menjadi kerangka yang sesuai dalam menganalisis dinamika ini, kerana ia melihat identiti sebagai sesuatu yang fleksibel dan terbentuk melalui interaksi sosial. Teori ini membantu menjelaskan bagaimana mualaf Cina merundingkan pelbagai cabaran identiti melalui

proses sosial, rohani dan budaya yang berterusan. Kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada pemahaman akademik tentang pembentukan identiti dalam kalangan mualaf, tetapi juga memberi implikasi penting terhadap usaha membina masyarakat yang lebih inklusif dan harmoni di Malaysia.

### **Permasalahan Kajian**

Mualaf yang telah memeluk Islam lazimnya melakukan tindakan tersebut adalah untuk mencari ketenangan dan kesejahteraan hidup. Namun, proses penghijrahan ini tidak mudah kerana mereka perlu menyesuaikan diri dengan kepercayaan dan cara hidup baharu yang berbeza daripada latar belakang asal mereka. Mualaf Cina khususnya berdepan dengan cabaran unik dalam memahami dan mengamalkan ajaran Islam kerana kekurangan keselarasan dalam aktiviti dakwah dan kelemahan sistem sokongan institusi, yang membawa kepada kekeliruan dan kelemahan dalam pembentukan akidah. Mereka juga menghadapi kesukaran untuk istiqamah dalam amalan keagamaan seperti solat, menahan diri daripada perkara yang dilarang seperti arak dan daging babi, serta menerapkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan sehari-hari. Perubahan ini bukan sahaja menuntut penyesuaian terhadap aspek-aspek fizikal dan hubungan sosial, tetapi turut memberi kesan emosi dan psikologi seperti keresahan, kekeliruan, dan kemurungan. Justeru, lemahnya pendidikan Islam asas boleh melemahkan keimanan, yang dalam beberapa kes ekstrem boleh menyebabkan mualaf kembali semula kepada agama asal mereka.

Masalah lain termasuk kegagalan dalam perkahwinan, yang mendorong sesetengah mualaf memohon untuk menukar agama semula. Statistik menunjukkan Mahkamah Syariah menerima ratusan kes penukaran semula agama dari tahun 2000 hingga 2010, majoritinya melibatkan komuniti mualaf (Suariza et al., 2018). Ini menunjukkan tekanan daripada keluarga dan masyarakat bukan Islam masih menjadi halangan besar kepada kestabilan identiti baharu mereka. Pemelukan Islam oleh individu Cina sering dianggap sebagai satu tindakan "pengkhianatan" terhadap budaya dan etnik mereka. Mereka dilihat sebagai 'masuk Melayu' kerana perubahan penampilan, nama, bahasa, dan tingkah laku sebagaimana orang Melayu, sekaligus membawa kepada berlakunya krisis identiti. Persepsi ini mencerminkan pandangan umum bahawa keislaman seseorang Cina membawa kepada penolakan terhadap akar kebudayaan Cina mereka, sedangkan dalam realiti, perubahan tersebut lebih kepada penyesuaian terhadap ajaran Islam sahaja.

Perkahwinan antara agama pula sering memperlihatkan jurang penerimaan antara keluarga Cina dan Melayu. Ibu bapa Cina lazimnya menolak anak mereka yang memeluk Islam pada awalnya, namun secara beransur-ansur dapat menerima apabila melihat perubahan positif dalam layanan anak terhadap mereka. Begitu juga, penerimaan dari keluarga pasangan Melayu biasanya datang setelah melihat tingkah laku baik mualaf Cina terhadap pasangan mereka. Mualaf Cina sering mendapati diri mereka terperangkap dalam "ruang antara" iaitu mereka bukan sepenuhnya diterima oleh masyarakat Cina maupun masyarakat Melayu. Mereka berdepan dengan dilema identiti dan tekanan untuk menyesuaikan amalan budaya Cina dengan tuntutan Islam. Kekeliruan ini menimbulkan ketegangan dalaman dan luaran yang menjelaskan pembentukan identiti Muslim mereka.

Kajian menunjukkan bahawa walaupun ajaran Islam dan nilai tradisi Cina mempunyai banyak persamaan, mualaf Cina masih perlu menyesuaikan beberapa aspek budaya mereka supaya selari dengan prinsip akidah, amalan dan akhlak Islam. Perubahan ini bukan sahaja berlaku pada tahap luaran, tetapi turut melibatkan perubahan pandangan dunia dan interaksi sosial. Dari sudut pendidikan pula, institusi pendidikan Cina telah memainkan peranan dalam mengekalkan identiti dan nilai Cina dalam kalangan generasi muda. Namun, tidak seperti pengikut Kristian Cina yang

masih dapat mengekalkan identiti etnik mereka, mualaf Cina sering mengalami tekanan untuk mengasimilasi ke dalam budaya Melayu-Islam yang dominan. Rentetan daripada semua cabaran ini, timbul persoalan besar tentang bagaimana mualaf Cina membina identiti mereka sebagai seorang Muslim tanpa menafikan akar budaya mereka. Mereka berusaha merundingkan sempadan antara identiti etnik dan agama melalui pelbagai amalan harian seperti pemilihan makanan, pemakaian, nama, dan interaksi sosial.

### Objektif Kajian

1. Mengenal pasti cabaran serta strategi penyesuaian identiti yang digunakan oleh Cina Muslim dalam konteks masyarakat Malaysia.
2. Menerangkan teori identiti budaya sebagai kerangka analisis dalam memahami dinamika identiti Cina Muslim

### Tinjauan Literatur

Tinjauan Literatur mengkaji beberapa teori asas dalam memahami proses pembentukan identiti mualaf Cina di Malaysia. Kerangka analisis yang dibina bertujuan untuk menjelaskan bagaimana perubahan agama memberi kesan kepada identiti individu, hubungan sosial, dan peranan mereka dalam masyarakat.

### Teori Identiti dan Pembinaan Identiti

Dalam tradisi, istilah *identiti* merangkumi aspek seperti adat, budaya, bahasa, dan agama, sebagaimana yang dinyatakan dalam *Kamus Dewan* (2015). Pengertian identiti lazimnya melibatkan ekspresi individu terhadap hubungan mereka dengan negara, bangsa, serta keterlibatan dalam kehidupan beragama (Adibah et al., 2020). Menurut Ibnu Khaldun, kekuatan identiti atau semangat kekitaan (*'asabiyyah*) merupakan faktor utama yang menentukan kejatuhan atau kebangkitan sesebuah tamadun. Semangat kekitaan ini wujud dalam dua keadaan: pertama, apabila ia didasari oleh pertalian darah; dan kedua, apabila seseorang individu menerima serta mengamalkan semangat kekitaan kelompok masyarakat tempat tinggal baharunya setelah meninggalkan kelompok asalnya (Darling, 2007). Konsep ini amat relevan dalam konteks mualaf Cina, yang perlu menyesuaikan diri dengan identiti baharu tanpa menafikan latar budaya asal mereka.

Seterusnya, berkaitan dengan konversi agama dan identiti, Daniela (2022) menjelaskan bahawa teori penukaran agama perlu dilihat sebagai satu pengalaman kontekstual yang kompleks, yang melibatkan proses penemuan dan pembentukan diri dalam tempoh peralihan identiti. Proses ini menyaksikan individu berusaha menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu, termasuk menerapkan kepercayaan dan tingkah laku yang selaras dengan agama yang baru dianuti. Namun, proses ini tidak selalu berjalan lancar, kerana ia sering disertai dengan perasaan keraguan diri dan ketidakseimbangan dalaman. Individu yang melalui konversi agama turut berhadapan dengan persoalan-persoalan kompleks mengenai makna dan kedudukan identiti diri mereka dalam konteks sosial dan budaya yang baharu.

Pengalaman kebangkitan rohani ini sendiri adalah perkembangan identiti. Individu yang memeluk Islam menerima pakai kepercayaan, amalan dan ritualnya, yang menjadi penting kepada identiti mereka. Penukaran ini menjajarkan semula identiti peribadi mereka dengan prinsip dan nilai Islam, membentuk pandangan dunia dan hubungan rohani mereka. Oleh itu, penukaran agama memerlukan bukan sahaja peralihan kepercayaan tetapi juga perubahan dalam cara hidup dan perubahan identiti baru.

Intipati perubahan identiti melibatkan proses transformatif di mana yang suci menjadi sebahagian

daripada identiti individu dan perubahan pandangan dunia, bagaimana mereka melihat kewujudan mereka sendiri dan dunia luar. Diyana dan Berhanuddin (2019) berhujah bahawa agama boleh memperluas perspektif seseorang terhadap kehidupan, yang membawa kepada nilai-nilai identiti yang lebih bermakna. Pelbagai faktor mempengaruhi pembinaan identiti peribadi pasca konversi, termasuk persekitaran hidup, keadaan semula jadi, kepercayaan, dan pengalaman sejarah. Walau bagaimanapun, agama atau kepercayaan adalah faktor yang paling dominan yang membentuk dan memajukan identiti peribadi (Adibah et al., 2020).

Konsep “ruang ketiga” yang diperkenalkan oleh Bhabha (1994) menawarkan perspektif menarik tentang pembinaan identiti hibrid. Dalam konteks mualaf Cina, mereka mungkin membina identiti yang menggabungkan elemen budaya Cina dan nilai yang ada dalam ajaran Islam, menciptakan identiti unik yang tidak sepenuhnya Cina tradisional atau Muslim konvensional. Proses ini melibatkan perundingan berterusan antara dua identiti budaya yang berbeza, menghasilkan identiti yang dinamik dan berubah.

Menurut Hammack (2008), naratif budaya ialah cerita dominan yang dibentuk dan disebarluaskan dalam sesebuah masyarakat yang mencerminkan sejarah kolektif, etnik, agama, politik dan nilai-nilai masyarakat tersebut. Naratif ini berfungsi sebagai kerangka rujukan bagi individu untuk mentafsir pengalaman mereka serta membina identiti peribadi. Apabila seseorang individu mengalami perubahan identiti yang signifikan—seperti penukaran agama—mereka sering merujuk kepada naratif budaya ini untuk memahami proses transformasi yang dilalui. Sebagai contoh, seseorang mualaf mungkin mentafsir cabaran peribadi yang dihadapi sebagai suatu bentuk pertumbuhan spiritual, dengan menyelaraskan pengalaman tersebut dengan naratif agama yang lebih luas seperti penebusan dosa, pengorbanan, atau tujuan ilahi.

Pendekatan identiti naratif ini sangat relevan bagi mualaf, yang mungkin perlu membina semula naratif identiti mereka untuk mengintegrasikan pengalaman sebelum konversi dan kehidupan baru mereka sebagai Muslim ke dalam cerita hidup mereka yang berterusan. Proses ini melibatkan penceritaan semula kisah hidup mereka dengan cara yang menggabungkan kedua-dua warisan budaya Cina dan identiti Muslim baharu mereka.

Teori Perkembangan Psikososial Erikson (1968) menekankan kepentingan pembinaan identiti sebagai tugas perkembangan utama. Bagi mualaf, proses ini mungkin melibatkan penyelesaian krisis identiti yang melibatkan integrasi kepercayaan baharu mereka dengan latar belakang yang sedia ada. Ini boleh menjadikan proses mencabar tetapi berpotensi membawa kepada pembentukan identiti yang lebih kukuh dan bersepadu. Akhir sekali, konsep Identiti Situasi yang dikemukakan oleh Okamura (1981) menyoroti sifat dinamik identiti yang boleh berubah bergantung pada konteks sosial. Mualaf Cina mungkin mempamerkan aspek identiti yang berbeza dalam pelbagai situasi sosial, seperti lebih menekankan identiti Muslim mereka dalam konteks keagamaan dan identiti Cina mereka dalam konteks keluarga. Keupayaan untuk mengubah suai dan menyesuaikan diri dengan pelbagai konteks sosial ini mencerminkan kerumitan dan kebolehsuaian identiti mualaf Cina.

### Teori Identiti Budaya (Cultural Identity)


Kajian terdahulu menunjukkan identiti adalah proses yang berubah-ubah akibat interaksi sosial (Erickson, 1968). Identiti sentiasa berkembang dan berubah dari konsep asalnya. Pandangan tradisional menganggap identiti sebagai sesuatu yang tetap dan berakar dalam sejarah. Teori Konstruktivisme mencabar idea ini, mencadangkan bahawa konteks budaya dan sosial mempengaruhi identiti individu. Teori ini juga menekankan hubungan antara identiti,

ketidaksamaan, dan dinamik masyarakat. Identiti seseorang dibentuk oleh interaksi mereka dengan persekitaran dan kedudukan mereka dalam masyarakat. Sejarah menunjukkan bahawa teori identiti adalah topik yang kompleks dan penting, dipengaruhi oleh faktor seperti penjajahan dan globalisasi. Para sarjana mula mengkaji bagaimana penjajahan dan budaya British mempengaruhi identiti penjajah dan yang dijajah. Konsep "identiti budaya" muncul dalam kajian budaya British. Justeru, tahun 1950-an menjadi titik perubahan penting apabila globalisasi meningkatkan pertukaran antarabangsa, mendorong para sarjana untuk memberi lebih tumpuan kepada isu identiti budaya. Menjelang akhir 1990-an, globalisasi mula menyeragamkan budaya dunia, menimbulkan kebimbangan tentang pemeliharaan budaya dan identiti nasional. Latar belakang sejarah yang kompleks ini menetapkan pentas untuk Penyelidikan budaya British untuk penyelidikan konsep "identiti budaya". Stuart Hall (1989) memperkenalkan konsep "identiti budaya" untuk menangani isu identiti dan bangsa. Konsep identiti budaya telah menjadi fokus utama dalam kajian budaya dan sosiologi sejak pertengahan abad ke-20. Stuart Hall, seorang ahli teori budaya Jamaican-British memberi sumbangan besar dalam memahami konsep ini melalui karyanya yang berpengaruh, terutamanya artiklenya "*Cultural Identity and Diaspora*" (Hall, 2014).

Selanjutnya, Hall (2014) mengemukakan dua cara memahami identiti budaya. Pertama, beliau menggambarkan 'identiti budaya' sebagai "satu budaya bersama, sejenis 'diri sejati kolektif' yang tersembunyi di dalam banyak 'diri' lain yang lebih dangkal atau dipaksakan secara artifisial, yang dimiliki bersama oleh orang-orang dengan sejarah dan leluhur yang sama" (Hall, 2014). Pandangan yang bersifat esensialis ini melihat budaya sebagai sesuatu yang tetap dan tidak berubah. Kedua, Hall mencadangkan pendekatan yang lebih dinamik dan anti-esensialis. Perspektif dinamik ini mengiktiraf kerumitan pembentukan identiti dalam dunia yang global, di mana budaya sentiasa berubah-ubah dan individu menavigasi identiti mereka melalui interaksi dan perundingan dengan pelbagai latar belakang budaya. Hal ini tergolong dalam masa depan serta masa lalu, bukan sesuatu yang sudah wujud, merentasi tempat, masa, sejarah dan budaya (Hall, 1989). Pendekatan ini mengiktiraf bahawa identiti budaya sentiasa dalam proses pembentukan, dipengaruhi oleh sejarah, kuasa dan budaya.

Teori Hall sangat relevan dalam memahami identiti budaya dalam konteks globalisasi dan migrasi. Seperti yang dinyatakan oleh Bhabha (1994) dalam "*The Location of Culture*", identiti budaya sering terbentuk dalam 'ruang ketiga', di mana budaya yang berbeza bertemu dan berinteraksi. Dalam konteks mualaf Cina, teori Hall menawarkan kerangka berharga untuk memahami kerumitan identiti mereka. Cina Muslim sering berunding antara identiti etnik dan agama mereka, mengekalkan warisan Cina mereka sambil memeluk Islam. Ini mencerminkan pandangan Hall bahawa identiti budaya adalah dinamik dan boleh dirunding. Bo Yang et al. (2021) mengembangkan idea Hall dengan menekankan bahawa identiti budaya bukan sahaja dibentuk oleh sejarah dan tradisi, tetapi juga oleh interaksi semasa dan kontek sosial. Ini sangat relevan dalam memahami bagaimana Cina Muslim membentuk identiti mereka dalam masyarakat Malaysia yang pelbagai budaya.

Tuntasnya, teori identiti budaya Hall terus menjadi asas penting dalam memahami pembentukan dan pengekalan identiti dalam dunia yang semakin global dan pelbagai budaya. Ia menawarkan perspektif berharga untuk mengkaji identiti kompleks kumpulan seperti Cina Muslim, yang menavigasi antara pelbagai pengaruh budaya dan agama. Ini selaras dengan matlamat utama Hall (1989) untuk memupuk rasa identiti di mana kumpulan ini boleh memeluk dunia baharu tanpa meninggalkan warisan budaya mereka yang unik, seperti kerangka teori yang ditunjukkan di Rajah 1.



Rajah 1. Kerangka Teori Identiti Cina Muslim Penukaran Pasca

### Perundingan Sempadan Agama Pasca Konversi

Apabila individu Cina memeluk Islam, mereka mengalami pergeseran daripada kumpulan majoriti kepada Kumpulan minority. Proses ini melibatkan penyimpangan daripada nilai-nilai utama keluarga dan masyarakat, dan pengadaptasian nilai dan norma Baharu. Peralihan ini memerlukan pembinaan semula identiti agama mereka apabila menyertai komuniti Muslim massa. Menurut Wimberly (1989), ahli kumpulan agama diharapkan untuk mematuhi tingkah laku dan kepercayaan normatif tertentu yang menentukan peranan mereka. Kepatuhan norma agama ini merangkumi aspek-aspek seperti kepercayaan, doktrin, teks suci, upacara, dan pengetahuan mengenai iman mereka. Dalam konteks penukaran kepada Islam, mualaf tidak hanya mengubah kepercayaan mereka tetapi juga mengambil gaya hidup baru, menjadi peranan mereka lebih penting dalam mematuhi harapan bersama komuniti Muslim.

Sempadan agama ditetapkan dalam proses pembinaan identiti agama yang baharu untuk membezakan ahli kumpulan daripada bukan ahli. Dalam Islam, sempadan ini ditakrifkan oleh ajaran agama yang menekankan kepentingan tingkah laku dan tindakan yang mengikut syariat Islam. Untuk sepenuhnya merangkul iman Muslim, seseorang perlu secara luaran menunjukkan keahlian mereka dalam komuniti melalui tindakan dan tingkah laku mereka (Azarudin et al. 2022). Tindakan yang berorientasikan agama dan membawa perubahan signifikan serta mempengaruhi interaksi harian antara Muslim dan bukan Muslim berfungsi sebagai sempadan agama yang penting. Tindakan ini termasuk menukar nama (nama Islam), tingkah laku makan dan minum, (pengambilan makanan halal), amalan badan (pakaian dan penampilan), rangkaian sosial (hubungan dengan ahli keluarga, Cina dan bukan Cina), ekonomi (penggunaan perbankan Islam), pendidikan (pilihan sekolah Islam untuk anak-anak), serta sikap terhadap amalan budaya Cina, agama terdahulu, dan amalan Muslim tempatan.

Mengikut pemikir Islam terkenal, Muhammad Iqbal, pembinaan identiti seorang Muslim memupuk identitinya dengan mengelakkan perkara-perkara yang boleh menghakisnya. Beliau menyatakan bahawa seorang Muslim harus menjadi hamba Allah yang taat, mengikut ajaran-Nya, menghindari materialisme, menghormati agama lain, dan mempunyai sikap kreatif terhadap pembangunan peribadi. Muhammad Zaidin et al, (2020) menekankan bahawa identiti seorang Muslim boleh didefinisikan sebagai hidup mengikut panduan yang digariskan dalam Al-Quran dan

Sunnah. Kekuatan pembentukan identiti dalam Islam berkisar pada tiga aspek utama: keimanan (akidah), undang-undang agama (syariah), dan akhlak. Keimanan berfungsi sebagai asas masyarakat Islam, di mana keimanan yang kukuh membawa kepada komuniti yang teguh dan cemerlang.

Dalam konteks mualaf Cina, Azarudin et al. (2022) menegaskan bahawa pembinaan identiti mereka melibatkan penyesuaian semula terhadap budaya lama yang hingga ke tahap tertentu mempengaruhi kehidupan baharu mereka. Islam membenarkan sebarang amalan budaya dan pengekalan identiti asal selagi budaya tersebut tidak bertentangan dengan keimanan dan menghormati batasan ajaran agamanya. Mereka berusaha untuk mengekalkan kepercayaan dan nilai mereka, terutamanya etnik mereka, kerana mereka tidak mahu memberikan keluarga mereka persepsi yang salah bahawa mereka akan meninggalkan keluarga, budaya, dan ajaran Cina yang baik selagi ia tidak bercanggah dengan ajaran akidah Islam. Secara teoretikal. Sebagai hasil pembinaan semula identiti, kajian ini meneroka bagaimana mualaf Cina "mendefinisikan semula identiti mereka sendiri" sebagai seorang Muslim dan tetap sebagai seorang Cina, menjaga identiti Cina mereka mengikut teori "identiti budaya" (Hall, 1989)

### Perundingan Sempadan Etnik Cina Pasca Konversi

Dari prespektif orang Cina penyeberangan sempadan agama sering dilihat sebagai penyeberangan sempadan etnik juga. Pertukaran agama merupakan keputusan yang mencetuskan masalah yang mempengaruhi kehidupan harian mualaf Cina dan hubungannya dengan komuniti etnik dan agama, serta dianggap sebagai pengkhianatan terhadap tradisi dan warisan etnik Cina mereka. Dengan pergeseran daripada kumpulan majoriti kepada kumpulan minoriti orang Cina yang memeluk Islam menyimpang daripada nilai-nilai utama keluarga dan masyarakat dan sebaliknya dikaitkan dengan nilai dan norma baru. Walaupun begitu, dengan etnik sebagai salah satu sumber utama pengenalpastian diri bagi orang Cina yang memeluk Islam di Malaysia, negara dan keluarga merupakan dua institusi sosialisasi yang penting dalam membentuk pembentukan identiti etnik. Justeru, orang Cina yang memeluk Islam sering kali digelar sebagai "masuk Melayu".

Konsep ke-Melayuan di Malaysia kontemporari adalah label etnik dan ia merupakan satu label yang sah digunakan. Sebenarnya, Perlembagaan Persekutuan menggambarkan seorang Melayu sebagai "seseorang yang menganuti agama Islam, secara tetap berbahasa Melayu, dan menurut adat Melayu" (Perlembagaan Persekutuan, artikel 160[2]). Dalam konteks ini, orang Cina yang bukan Muslim menganggap orang Cina yang memeluk Islam dan mengamalkan tiga elemen 'ke-Melayuan' sebagai telah 'masuk Melayu'. Ini disebabkan oleh pandangan salah umum bahawa apabila seorang Cina memeluk Islam, dia cenderung untuk mendekati ranah sosial dan budaya Melayu, serta lebih suka menggunakan bahasa Melayu berbanding dengan bahasa Cina dan mereka dilihat sebagai meninggalkan akar Cina demi mengikuti akar umbi ajaran Islam. Bagi menangani cabaran identiti Cina mereka dari keluarga dan rakan-rakan, mualaf Cina dengan sengaja bernegosiasi sempadan agama dan etnik mereka berdasarkan struktur rutin dan amalan budaya. Mereka berusaha untuk mendamaikan identiti etnik dan agama mereka untuk menunjukkan kepada keluarga bahawa mereka masih merupakan orang Cina walaupun telah memeluk Islam. Strategi perundingan identiti ini termasuklah :

- i. Penyertaan dalam perayaan Cina tanpa mengambil bahagian dalam upacara yang mengandungi unsur keagamaan asal.
- ii. Mengelakkan nama keluarga asal dengan matlamat mewarisikannya kepada anak-anak.
- iii. Mengenakan pelbagai pendekatan terhadap pemakaian tudung kepala: memakainya sepanjang masa, kadang-kadang, atau tidak memakainya sama sekali mengikut situasi tahap konflik keluarga untuk mendamaikan ketegangan dengan keluarga mereka.

Perundingan identiti ini menuntut agar Cina Muslim menerima cara hidup yang mengekalkan kecinaan mereka tanpa menafikan iman baharu yang diperoleh. Ini menunjukkan bahawa walaupun mualaf Cina ini terpinggir, mereka tidak semuanya terasimilasi ke dalam budaya Melayu (Azarudin et al. 2022). Sebaliknya, mereka tidak mengubah sepenuhnya unsur persamaan antara Islam dan tamadun Cina, sebaliknya mengekalkannya sebagai cara untuk lebih selesa dan serasi dengan identiti baharu mereka sebagai seorang Cina dan Muslim. Konteks budaya Cina berfungsi sebagai ‘maklumat latar belakang’ yang mereka sebagai Cina Muslim yang boleh berhubung dengan, serta ia juga berfungsi sebagai rujukan bagi orang lain yang mempersoalkan identiti mereka (Hall, 1989). Jelasnya, proses pembinaan identiti Cina Muslim melibatkan perundingan yang kompleks antara sempadan agama dan etnik. Mereka berusaha untuk mengintegrasikan identiti Islam baharu mereka dengan warisan budaya Cina mereka, menciptakan identiti hibrid yang unik yang mencerminkan kedua-dua aspek kehidupan mereka.

### Pengaruh Dimensi Budaya Pasca Konversi


Hall (1989) berpendapat bahawa identiti budaya mencerminkan budaya etnik, budaya linguistik dan agama asal. Oleh itu, adalah sangat penting untuk mengkaji budaya asal Cina yang mempunyai pengaruh ke atas mualaf Cina selepas mereka menukar agama. Dapat dilihat bahawa bukannya mereka beralih sepenuhnya daripada apa yang mereka ada dahulu tetapi sebahagian daripada mualaf Cina meneroka persamaan antara Islam dan tamadun Cina untuk menjadikan diri mereka berasa lebih selesa dengan identiti baru mereka sebagai Cina dan Muslim. Sebagai contoh, konteks budaya orang Cina berfungsi sebagai ‘maklumat latar belakang’ mereka sebagai Muslim Cina, sementara ia juga boleh berfungsi sebagai tapak rujukan bagi orang lain yang mempersoalkan identiti mereka. Pandangan ini bertentangan dengan pandangan

Oleh kerana budaya adalah perkara yang paling dekat dengan identiti kita, kita boleh mula meneroka bagaimana amalan Cina sendiri boleh menyesuaikan dengan amalan Islam. Budaya adalah koleksi amalan yang digunakan untuk mempamerkan kepercayaan, pemikiran, perasaan, ekspresi, adat resam, dan tradisi mereka. Ramai akan terkejut bahawa ajaran, nilai, dan amalan Cina dalam banyak cara selaras dengan ajaran, nilai, dan amalan Islam. Amalan budaya yang perlu dibincangkan secara mendalam termasuk sambutan perayaan Tahun Baru Cina, Festival Tanglung, perayaan Qing Ming (melawat tanah perkuburan), dan perayaan Wesak. Tidak boleh diabaikan juga amalan perkahwinan dan pengebumian yang penting dalam aspek-aspek praktikal kehidupan sehari-hari.

### Perbincangan

Kajian ini telah mengenal pasti pelbagai cabaran yang dihadapi oleh mualaf Cina Muslim dalam proses penyesuaian identiti mereka dalam konteks masyarakat Malaysia yang berbilang etnik dan agama. Proses ini melibatkan bukan sahaja peralihan kepercayaan dan amalan keagamaan, tetapi juga perundingan yang kompleks terhadap sempadan budaya dan etnik. Teori identiti budaya yang dikemukakan oleh Stuart Hall telah digunakan sebagai kerangka utama untuk memahami bagaimana identiti mualaf Cina Muslim bukanlah satu bentuk yang statik atau esensial, tetapi bersifat dinamik dan sentiasa dalam proses pembentukan. Dalam kerangka ini, identiti dilihat sebagai hasil daripada pengalaman sejarah, interaksi sosial, serta respon terhadap struktur kuasa dalam masyarakat. Perundingan terhadap sempadan agama dan etnik membuktikan bahawa mualaf Cina Muslim tidak semestinya menghapuskan identiti asal mereka, sebaliknya mereka membentuk identiti hibrid yang menggabungkan unsur keimanan Islam dengan warisan budaya Cina.

Kerangka analisis yang dibina bertujuan untuk menjelaskan bagaimana perubahan agama memberi kesan kepada identiti individu, hubungan sosial, dan peranan mereka dalam masyarakat. Ia akan merangkumi satu kerangka konseptual yang membentuk pembinaan identiti, perundingan identiti, dan bagaimana Muslim Cina menghadapi cabaran dari dimensi budaya termasuk Dunia Pemikiran tentang budaya dan agama Cina berkaitan dengan Islam yang telah memberi impak pada kehidupan mereka sebelum pertukaran agama. Mereka terus hidup seperti sebelum pertukaran agama dengan latar belakang ajaran budaya, moral, dan agama Islam sebagai panduan untuk kehidupan baru mereka sebagai seorang Muslim selagi tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Secara teoritikal, sebagai hasil pembinaan semula identiti, kajian ini meneroka bagaimana Muslim Cina "mendefinisikan semula identiti mereka sendiri" sebagai Muslim dan tetap sebagai orang Cina, menjaga identiti Cina mereka mengikut teori "identiti budaya" Hall seperti yang ditunjukkan di Rajah 2.



**Rajah 2 Kerangka Konseptual Pembinaan Identiti Cina**

Tuntasnya, strategi seperti mengekalkan identiti etnik asal trermasuklah pengekalan nama keluarga, menyertai perayaan kebudayaan Cina secara selektif, serta pendekatan fleksibel terhadap pemakaian dan tingkah laku keagamaan mencerminkan keupayaan mereka menyesuaikan diri dengan pelbagai konteks sosial. Kajian ini membuktikan bahawa pembentukan identiti mualaf Cina Muslim di Malaysia merupakan satu proses yang bersifat dialogik dan reflektif, yang dipengaruhi oleh latar sosial, tekanan komuniti, serta keinginan individu untuk mengekalkan keseimbangan antara keimanan dan kebudayaan. Justeru, pemahaman terhadap dinamika identiti ini penting bagi menyokong usaha integrasi sosial dan keharmonian antara komuniti Muslim dan bukan Muslim di Malaysia.

## Kesimpulan

Proses pembentukan identiti dalam kalangan mualaf Cina bukan sekadar penyesuaian terhadap kepercayaan baharu, tetapi turut melibatkan perundingan kompleks antara unsur-unsur budaya asal dan tuntutan ajaran Islam. Mualaf Cina Muslim menghadapi pelbagai cabaran seperti konflik identiti, tekanan sosial dan keluarga, kekeliruan keagamaan serta stigma budaya yang melihat pemeluk Islam sebagai pengkhianatan terhadap etnik. Namun begitu, mereka tidak sepenuhnya meninggalkan identiti asal, sebaliknya membentuk satu bentuk identiti hibrid yang bersifat dinamik. Strategi yang digunakan termasuklah mengekalkan nilai-nilai budaya Cina yang tidak bercanggah dengan Islam, mengamalkan Islam secara bertahap, dan membina naratif baharu tentang diri mereka sebagai Muslim berketurunan Cina. Teori Identiti Budaya membolehkan analisis ini memahami bagaimana identiti dibentuk secara fleksibel melalui interaksi sosial, pengalaman rohani, dan penglibatan budaya.

Selain itu, konsep seperti “ruang ketiga”, identiti naratif, dan identiti situasi membantu menjelaskan bagaimana mualaf merundingkan kedudukan mereka antara dua dunia yakni dunia budaya asal dan dunia Islam serta membentuk identiti Muslim yang unik dan bersepadu. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang realiti sosiobudaya mualaf Cina Muslim serta memberikan implikasi terhadap pembangunan dasar, pendekatan dakwah, dan pendidikan Islam yang lebih inklusif serta sensitif terhadap latar budaya pelbagai kaum. Secara keseluruhannya, pembentukan identiti Cina Muslim di Malaysia merupakan suatu proses yang berterusan dan kontekstual, dipengaruhi oleh pelbagai faktor dalaman dan luaran. Pemahaman terhadap dinamika ini penting dalam usaha membina masyarakat Malaysia yang lebih harmoni, terbuka dan menghormati kepelbagaian budaya serta agama.

## Ruiukan

- Adibah, S. @ M., Noorsafuan, C. N., & Ezad, A. J. (2020). Jati diri kanak-kanak Melayu-Islam menerusi pendidikan awal. *Sains Insani*, 5(2), 98–106.
- Azarudin, A., Azman, C. M., & Ruhaizah, A. G. (2022). Challenges of muallaf in building Muslim's identity in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(8), 1240–1252.
- Bhabha, H. K. (1994). *The location of culture*. London: Routledge.
- Bo, Y., Zhao, D., & Liu, L. (2021). An analysis of Hall's theory of cultural identity and its application in flipped class. In *Proceedings of the 2nd International Conference on Language, Communication and Culture Studies (ICLCCS 2021). Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 588, 177–184.
- Daniela, U. G., & Bulut, S. (2022). Perception of identity and religious conversion. *Current Research in Psychology and Behavioral Science*, 3(1), 1035–1036.
- Darling, L. T. (2007). Social cohesion ('asabiyya) and justice in the late medieval Middle East. *Comparative Studies in Society and History*, 49(2), 329–357.
- Diyana, N. A. P., & Berhanundin, A. (2019). Pembinaan jati diri remaja Felda melalui aktiviti dakwah organisasi Islam. *Jurnal Islam & Kemasyarakatan Kontemporeri*, 18(1), 52–63.
- Erikson, E. H. (1968). *Identity: Youth and crisis*. New York: W. W. Norton & Company.
- Hall, S. (1989). Cultural identity and cinematic representation. *The Journal of Cinema and Media*, 36, 68–81.
- Hall, S. (2014). Cultural identity and diaspora. In *Undoing place?*
- Hammack, P. L. (2008). Narrative and the cultural psychology of identity. *Personality and Social Psychology Review*, 12(3), 222–247.
- Mohamad, Z. M., Salleh, A. Z., Hasan, A. F., Yusof, S., Deris, M. F. H. M., & Jamsari, E. A. (2020). Personal identity from an Islamic perspective. *Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 199–207.
- Nurzatil, I. A., & Mohd, Y. @ Z. M. Y. (2019). Pembentukan jati diri menurut perspektif al-Quran: Analisis terhadap kisah Nabi Ibrahim A.S. Dalam *5th International Seminar on Islamiyat Studies (IRSYAD 2019)*, 130–138.
- Okamura, J. Y. (1981). Situational ethnicity. *Ethnic and Racial Studies*, 4(4), 452–465.
- Suariza, H. M., Raudah, N. S., & Yusmini, M. Y. (2018). Faktor permohonan isytihar murtad dalam kalangan mualaf di Selangor. *Jurnal Usuluddin*, 46(2), 123–146.
- Wimberley, D. W. (1989). Religion and role-identity: A structural symbolic interactionist conceptualization of religiosity. *The Sociological Quarterly*, 30(1), 125–142.